

Sistematik bangun bandar

UM-20/9/2006

Oleh MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH

RAMAI yang mengeluh jika persoalan sistem pengangkutan awam di negara ini dibangkitkan. Dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berdaya saing di peringkat antarabangsa, permasalahan seperti ini adalah sewajarnya sudah ditangani sejak dari dahulu lagi. Di manakah jari ini hendak dituding? Akhirnya, ramai yang menyalahkan kelemahan pihak berkuasa dalam menangani permasalahan ini.

Ada yang menyalahkan pihak swasta yang menggaji pemandu bas yang tidak berkeupayaan dan ada juga yang menyalahkan usia kenderaan yang semakin uzur. Tidak kurang juga yang membangkitkan isu pembangunan tidak berhemah. Apa pun jua telahan masing-masing, sebenarnya kebanyakan kawasan bandar lama di negara ini telah dibangunkan secara tidak mesra pembangunan.

Jika kita pergi ke Johor Bahru di sekitar tambak ke Singapura maka kesesakan lalu lintas tidak dapat dielakkan sama sekali. Mengapa fenomena ini berlaku, ini adalah kerana orang yang terdahulu tidak berjaya merancang pembangunan setempat untuk satu jangka masa yang panjang. Adalah sewajarnya perancangan itu dibuat berdasarkan jangkaan pembangunan infrastruktur dan perkembangan kapasiti penduduk.

Bagaimanapun keadaan itu telah pun diambil kira oleh pihak berwajib dalam pembangunan bandar-bandar baru di seluruh negara.

Selain itu, konsep tebang dan bina perulah disingkirkan sama sekali kerana kehebatan flora semula jadi setempat tidak dapat ditandingi dengan kehadiran pokok tempelan yang ditanam selepas sesebuah projek itu selesai. Keadaan ini menyebabkan ramai yang mengadu kepanasan dan tidak selesa dengan kawasan-kawasan baru yang kebanyakan floranya sebesar pokok taugé. Jika wujudnya kolam semula jadi di tempat berkenaan, janganlah sekali-kali hendak ditimbus dan dibina kawasan

tanpa mempunyai pagar mahupun jeriji besi di tingkap-tingkap mahupun di hadapan pintu? Inilah yang dikatakan mentaliti kelas pertama. Tanpa mentaliti kelas pertama di pihak berkuasa dan juga rakyat semua maka usaha itu hanyalah sia-sia. Mentaliti kelas pertama daripada sebelah pihak juga tidak mencukupi. Keadaan yang optimum akan berlaku jika kedua pihak berganding bahu dalam menjayakan usaha murni ini.

Pihak berkuasa menyediakan kemudahan maka hendaklah disempurnakan dengan mentaliti yang sihat daripada pihak penduduk. Terkadang-kadang, wujudnya golongan yang kerjanya hanya mengkritik

Konsep tebang dan bina perulah disingkirkan sama sekali kerana kehebatan flora semulajadi setempat tidak dapat ditandingi dengan kehadiran pokok tempelan yang ditanam selepas sesebuah projek itu selesai

perumahan di atasnya kerana selain menjadi kawasan tadahan hujan, kawasan tersebut boleh dijadikan tempat riadah yang dapat menurunkan kadar stres para penduduk bandar. Manakan tidak? Orang kampung berhutankan pokok-pokok hijau sedangkan orang bandar berhutankan konkrit.

Penduduk di bandar menjadi lebih keras perwatakannya kerana dikelilingi dengan hutan konkrit dan besi serta berhujankan asid sedangkan orang di kampung tidur ditemankan bunyi unggas dan cengkerik. Alangkah indahnya semua ini. Pada akhirnya, apabila meniti usia persaraan, semua orang di bandar lari ke kampung untuk menikmati persekitaran yang telah mereka tinggalkan selama lebih dari tiga puluh tahun.

Jika kita sorot zaman kanak-kanak kita ketika musim perayaan di kampung, rasanya pengalaman tersebut tidak boleh diganti dengan suasana perayaan yang sunyi di bandar. Membesarkan anak di kawasan yang aman dan tenteram banyak bezanya dengan membesarkan anak di kawasan perumahan teres di mana rumput yang dapat kita lihat hanyalah seluas kenderaan kita. Ada juga kawasan perumahan di bandar yang tidak mempunyai laman mahupun sehelai rumput.

Mengapa di luar negara, sistem pengangkutannya berjalan dengan lancar dan kawasan perumahannya terancang

pembangunan yang direncanakan oleh kerajaan sedangkan diri mereka tidak pernah menyumbang apa-apa dalam proses tersebut. Mulai dari hari ini hentikan perbalahan antara kita dan sama-sama kita berjuang memperkuat negara kita yang dicintai ini. Kini bukan masanya untuk berbalah sesama sendiri tetapi adalah merupakan masa yang sesuai untuk bersama-sama memakmurkan negara kita.

MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH ialah pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat Kolej Universiti Islam Malaysia